

CNS5741

R GE 02-09 00196 BH298

Bah

MAHATHIR: TIDAK ADA PERUBAHAN MENDADAK KEPADA PBB

Mahathir - PBB

I

JAKARTA, 2 Sept (Bernama) -- Proses untuk mengubah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan supaya menjadi lebih demokratik mungkin mengambil masa kerana negara-negara yang mempunyai kepentingan akan menentang sebarang perubahan kepada struktur sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata usaha yang boleh dilakukan oleh anggota-anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ialah untuk membincangkan isu itu secara berterusan dan mengenakan tekanan kepada PBB dan pelbagai jawatankuasa badan dunia itu.

+Ia sesuatu yang tidak mungkin berlaku dalam sekelip mata...sudah tentu golongan yang mempunyai kepentingan dalam PBB akan menentang sebarang perubahan,+ katanya pada persidangan akhbar di Pusat Konvensyen Jakarta, tempat beliau menghadiri sidang kemuncak NAM ke-10.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai ucapannya pada sidang kemuncak semalam di mana beliau menggesa PBB mengubah corak dan fungsinya, dengan berkata bahawa mereka yang menang dalam Perang Dunia Kedua dulu sudah tidak boleh lagi dibiarkan menentukan nasib orang lain.

Perdana Menteri berkata beliau bersikap optimis dan pesimis mengenai proses mendemokrasikan PBB itu, sambil menambah bahawa keadaan mungkin bertambah teruk tanpa PBB. -- Lagi

▼02/09/22-44MST

CNS5744

R GE 02-09 00120 BH299

Bah

Mahathir - PBB 2 Jakarta

+Apa yang perlu kita lakukan ialah bukan untuk menghapuskannya, tetapi untuk memperbaikinya,+ katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia mahu mendapatkan tempat dalam Majlis Keselamatan, Dr Mahathir berkata Malaysia telah diberi peluang walaupun ia merupakan satu pengalaman yang tidak +menyeronokkan+.

+Ia adalah sesuatu yang tidak menyeronokkan jika diminta membuat keputusan yang kadang kala kita tidak mahu terbabit,+ katanya.

Mengenai cadangannya supaya nama NAM ditukar, Dr Mahathir berkata ia hanya boleh dicapai jika negara anggota bersetuju.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mempunyai sesuatu nama untuk dicadangkan tetapi nama itu boleh direka, jika perlu, selepas peranan dan arah masa depan pergerakan itu ditetapkan. -- Lagi

▼02/09/22-48MST

CNS5746

R GE 02-09 00145 BH300

Bah

Mahathir - PBB 3 (Akhir) Jakarta

Beliau menolak pendapat seorang wartawan bahawa pergerakan itu hanya merugikan masa dan wang kerana ia tidak dapat mengatasi masalah seperti Yugoslavia.

+Dunia memerlukan tekanan yang seimbang...hari ini hanya negara kaya di Utara berada dalam kedudukan untuk membuat sesuka hati mereka, termasuk melanggar undang-undang dan etika antarabangsa.

+Seseorang perlu memberitahu mereka apa yang tidak boleh mereka lakukan...itu sesuatu yang boleh dilakukan oleh NAM,+ katanya.

Apabila wartawan yang sama berkata bahawa NAM gagal berbuat demikian, Dr Mahathir berkata: +Kita telah melakukannya tetapi mereka tidak mahu mendengar, saya melakukannya semalam.+

Berikutan Sidang Kemuncak Dunia di Rio de Janeiro baru-baru ini, Perdana Menteri berkata dialog antara Utara dan Selatan tidak boleh terbatas kepada satu forum tetapi boleh termasuk perbincangan terus antara G-15 yang mewakili Selatan dan negara-negara kaya. -- Bernama

▼02/09/22-56MST